

23 SEP 1997

Mahathir-Ringggit

KITA AKAN KAWAL RINGGIT MESKIPUN TURUN NAIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Malaysia akan bertindak sedaya mungkin untuk mengawal ringgit meskipun mata wang negara diserang oleh spekulator asing, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Beliau berkata walaupun import negara ini memerlukan kos lebih tinggi, "kita akan mengimbangnya dengan eksport yang bertambah" yang telah menjadi berdaya saing ekor kejatuhan nilai ringgit berbanding mata wang-mata wang utama.

Ditanya bagaimanakah perasaan beliau tentang ringgit yang telah susut nilai 20 peratus berbanding dolar Amerika, Dr Mahathir berkata beliau "berpuas hati" ringgit rendah sekarang kerana ini akan meningkatkan eksport.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab pertanyaan pemberita selepas menyaksikan upacara penandatanganan perjanjian antara Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), Automobiles Citroen dari France dan Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd untuk membuat, memasang dan mengedar kereta Proton baru berasaskan model kereta Citroen yang ada sekarang.

Semasa Perdana Menteri membuat ulasan ini, ringgit berjaya menebus sedikit kerugiannya dan ditutup pada 3.0680/30 hari ini berbanding dolar Amerika daripada 3.0950/10 ketika ditutup semalam.

Mata wang Malaysia itu juga pulih sedikit berbanding mata wang-mata wang utama yang lain. Ia meningkat kepada 2.0171/17 daripada 2.0271/17 berbanding dolar Singapura dan mengukuh kepada 2.5168/30 daripada 2.5199/50 berbanding yen Jepun.

Berbanding paun sterling, ringgit meningkat kepada 4.9332/43 daripada 4.9659/55 dan naik kepada 1.7113/45 daripada 1.7316/48 berbanding deuschemark.

-- BERNAMA

AA KY MA NAK